

Populararkan Sukan Petanque

BH - 5/6/16 cm/s (Sukan).

Apakah itu petanque (disebut paytong)? Secara jujur, tidak ramai yang tahu apa itu petanque, apa peraturan dan bagaimana caranya ia dimainkan.

Adakah benar petanque ialah permainan boling padang? Kesempatan menemui Ketua Jurulatih Kelab Petanque Negeri Sabah, Abu Bakar Acheh di Jabatan Kementerian Belia Dan Sukan (KBS), Putatan telah menjawab persoalan ini dan ia wajar dikongsi bersama.

"Petanque seakan-akan sukan boling padang, tetapi ia tidak sama," kata Abu Bakar yang percaya ramai beranggapan begitu kerana strategi bagi memperoleh matanya yang menyamai boling padang.

Secara amnya, sukan ini dimainkan secara membalik bola dengan menetapkan arah sasaran dan kebiasaannya, ia dimainkan di atas permukaan berpasir atau jenis permukaan lain.

Petanque merujuk kepada per-

mainan yang berasal dari Perancis dengan menggunakan bola diperbuat daripada logam dan mula diperkenalkan di Malaysia pada penghujung 1989 oleh Yang Dipertua Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa), Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz.

Sesuai untuk semua

Pada 1993, sukan ini telah diiktiraf KBS sebagai acara sukan baharu dalam kategori Sukan Untuk Semua. Kini petanque dimainkan di beberapa negara Eropah Timur dan Asia seperti Thailand, Vietnam, Kemboja, Laos, Jepun serta Singapura dan mula dipertandingkan di Sukan SEA sejak 2001.

Ahli Jawatankuasa Persatuan Petanque Sabah, Hazalenah Md Diasin pula mempunyai penjelasan ringkas iaitu petanque bermaksud meletakkan kedua-dua kaki bersama. Pemain boleh membalik mengikut cara mana yang anda digemari tetapi jangan

sesekali mengangkat kaki ketika membalik bola.

Lazimnya ia membabitkan kategori perseorangan, beregu dan bertiga. Setiap pemain perseorangan atau beregu akan diberikan tiga bola atau disebut boule manakala bagi kategori bertiga, setiap individu diberikan dua boule.

Sukan petanque sebenarnya sesuai untuk sesiapa saja tanpa mengira umur bahkan ia juga sesuai sebagai riadah.

Saya bersetuju dengan pendapat Abu Bakar dan Hazalenah yang mengharapkan supaya lebih banyak gelanggang petanque dibina demi kecemerlangan atlet dan lebih ramai atlet pelapis diketengahkan kerana sukan ini turut dipertandingkan di peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT) serta kejohanan terbuka.

Fakta nombor

650-800 GRAM

Berat bola logam yang dibenarkan

6-10 METER

Jarak balingan yang mesti dibuat



Nuraisyah Yahaya

Pelajar tahun 2 Sains Sukan
Universiti Malaysia Sabah (UMS)